

28 JUL 2001

Mahathir-China

UMAT ISLAM LEBIH MAJU JIKA PATUHI PESANAN NABI, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 28 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata umat Islam akan lebih maju pada masa ini jika mereka telah mematuhi pesanan Nabi Mohamad SAW supaya mencari ilmu hingga ke negeri China.

Perdana Menteri berkata Barat telah menjadi lebih maju sekarang kerana mereka telah pergi lebih awal ke negara China untuk memperolehi ilmu pengetahuan dan sains yang dibangunkan oleh orang-orang China.

"Orang China (masa itu) telah pun belajar membuat bahan letupan walaupun pada ketika itu bukan untuk tujuan membunuh tetapi sekadar untuk membuat bising bagi menghalau naga atau syaitan.

"...Orang Eropah nampak potensi bahan letupan sebagai senjata jarak jauh dan bermula daripada pengetahuan membuat bahan letupan, hari ini kita melihat roket yang sampai ke bulan, planet dan bintang-bintang lain," katanya semasa merasmikan pameran "Seni Islam selama Enam Abad di China" di sini.

Barat juga telah belajar kemahiran membuat kertas dari China, katanya.

"Mereka yang memperolehi ilmu pengetahuan dari China bakal beruntung besar jika memberi tumpuan membangunkannya. Malangnya tidak banyak umat Islam mematuhi pesanan Nabi dan tidak pergi ke China untuk memperolehi ilmu pengetahuan dan akibatnya mereka telah kerugian," katanya.

Dr Mahathir percaya pameran mengenai seni Islam di China itu akan membuka mata ramai rakyat Malaysia, terutama di kalangan orang Melayu supaya mereka dapat memahami kenapa Nabi telah meminta umat Islam menuntut ilmu walaupun hingga ke negeri China.

"Pada zaman Nabi, sudah agak jelas betapa negara China telah berkembang maju dalam bidang seni dan ilmu sains hingga ke peringkat yang wajar diperolehi oleh orang lain, dan Nabi menggesa umatnya supaya menuntut ilmu di China," katanya.

Pameran itu juga akan menyediakan peluang baik kepada rakyat Malaysia untuk mengetahui mengenai Islam di China dan mengenai kenyataan bahawa agama Islam telah lebih dahulu diterima oleh orang China berbanding orang Melayu.

"Ia bakal menjadi pengalaman unik bagi kita untuk dapat menyaksikan hasil kesenian dari China, dipamerkan di Kuala Lumpur," katanya.

Perdana Menteri berkata orang China juga terkenal kerana kemahiran menghasilkan objek seni dan mereka telah menggunakan kemahiran itu apabila memeluk agama Islam.

"Sebahagian daripada hasil usaha masyarakat Islam China itu menggambarkan kemahiran bangsa China dan juga dedikasi mereka kepada ajaran baru yang dianuti," katanya.

Dr Mahathir berharap pameran itu akan membantu menyemai hubungan yang lebih erat antara rakyat Malaysia dan China secara keseluruhannya.

Pameran selama tiga bulan itu diadakan di Muzium Kesenian Islam Malaysia dan akan berakhir pada 28 Oktober depan.

Kira-kira 200 artifak termasuk dokumen bersejarah, senikraf, alat-alat muzik dan koleksi pakaian serta tekstil pelbagai kaum etnik China Islam dipamerkan.

Pameran itu bertujuan mengimbau kembali kedatangan Islam ke China, meninjau pengaruh yang dimainkan agama Islam dan kekayaan dan kepelbagaian budaya di negara tersebut.

Ia dianjurkan dengan kerjasama Muzium Istana Kebudayaan Kebangsaan China,

Beijing dan Universiti Minoriti Barat Laut, Lanzhou.

-- BERNAMA

AFY AFY MOZ